

FEBRUARI 2021

CASSIA

FGV

■ KERJASAMA ■ HORMAT ■ INTEGRITI ■ DINAMISME ■ SEMANGAT



WANITA FGV BANGKIT MENDEPANI CABARAN
#HariWanita2021



FGV Holdings Berhad mencatatkan keuntungan sebelum zakat dan cukai (PBZT) sebanyak RM326 juta untuk suku keempat berakhir pada 31 Disember 2020, peningkatan yang ketara daripada PBZT sebanyak RM46 juta pada suku yang sama sebelumnya.

Untuk tempoh yang dikaji, harga purata minyak sawit mentah (MSM) adalah RM3,059 setiap metrik tan (MT), lebih tinggi daripada harga purata MSM yang direalisasikan pada Suku Ke-4 Tahun Kewangan 2019 (S4 TK2019) sebanyak RM2,159 setiap MT. Pendapatan Kumpulan untuk suku yang dikaji meningkat dengan ketara kepada RM4.00 bilion, berbanding RM3.15 bilion pada S4 TK2019.

Wabak pandemik COVID-19 telah mempengaruhi permintaan domestik dan global, dan semakin terjejas disebabkan aktiviti hulu seperti menuai dan mengumpul tandan buah segar (TBS) yang tergendala kerana Perintah Kawalan Pergerakan.

Bagi tahun penuh yang berakhir Disember 2020, FGV mencatatkan PBZT sebanyak RM353 juta, berbanding kerugian sebelum zakat dan cukai sebanyak RM338 juta pada TK2019. Pendapatan untuk TK2020 adalah sebanyak RM14.08 bilion, meningkat enam peratus daripada

RM13.26 bilion berbanding tahun sebelumnya. Harga purata MSM yang direalisasikan untuk TK2020 meningkat 32 peratus kepada RM2,675 setiap MT berbanding RM2,021 setiap MT pada TK2019.

Berikutan prestasi kewangan dan penyataimbangan FGV yang positif, Lembaga Pengarah FGV telah mengesyorkan dividen sebanyak tiga sen sesaham bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

Untuk suku yang dikaji, Sektor Perladangan mencatat PBZT sebanyak RM474 juta, peningkatan yang ketara daripada PBZT sebanyak RM72 juta pada suku yang sama sebelumnya. Peningkatan prestasi kewangan disebabkan oleh peningkatan margin MSM yang seiring dengan kenaikan harga MSM, penambahan jumlah jualan MSM, kadar pengekstrakan minyak (OER) yang lebih baik dan kos pengeluaran ke pintu kilang (*ex-mill*) yang lebih rendah.

Bagi segmen hulu, pengeluaran TBS meningkat tiga peratus kepada 1.04 juta MT berbanding 1.01 juta MT pada S4 TK2019. Ini terutamanya disebabkan oleh pemulihan tanaman yang lebih baik dan hektar tanaman yang lebih tinggi.

Walaupun pengeluaran MSM meningkat sebanyak 1.5 peratus dari 0.68 juta MT pada S4 TK2019 kepada 0.69 juta MT pada

S4 TK2020 hasil daripada peningkatan TBS yang diproses, terdapat sedikit peningkatan dalam OER kerana kualiti dan kecekapan proses TBS yang lebih baik. Sementara itu, faktor penggunaan kilang (UF) kekal pada 66 peratus. Hasil daripada pengurangan kos estet dan OER yang lebih tinggi, kos ke pintu kilang (*ex-mill*) CPO menurun sedikit sebanyak dua peratus kepada RM1,699 setiap MT, berbanding RM1,731 setiap MT pada S4 TK2019.

Segmen hiliran Kumpulan mencatatkan PBZT yang lebih tinggi sebanyak RM91 juta, berbanding RM3 juta pada S4 TK2019. Ini dipengaruhi oleh margin yang lebih baik yang direalisasikan daripada penjualan minyak isirung sawit mentah (CPKO) / dedak isirung sawit (PKE) dalam tren pasaran menaik dengan kos yang lebih rendah pada kos barang yang dijual dan keuntungan daripada pelupusan FGV-Cambridge Nanosystems Ltd (FGV CNS) selesai sebanyak RM32 juta.

Sektor Gula di bawah MSM Malaysia Holdings Berhad mencatat PBZT sebanyak RM77 juta pada S4 TK2020, berbanding kerugian RM40 juta pada S4 TK2019. Ini disumbangkan terutamanya oleh jumlah jualan yang lebih tinggi khususnya pasaran eksport, kos penggunaan gula mentah yang lebih rendah, faktor penggunaan yang lebih baik dan pengurangan kos penapisan.

Perniagaan gula mencatatkan prestasi yang memberangsangkan pada S4 TK2020. Namun demikian, prestasi tahun penuhnya dipengaruhi oleh penghapusan dan rosot nilai kilang pembawa pada S3 TK2020.

Prestasi Sektor Logistik menurun sebanyak dua peratus dan mencatatkan PBZT lebih rendah sebanyak RM22 juta berbanding RM23 juta pada S4 TK2019. Ini disebabkan oleh kadar pengendalian dan pengangkutan yang lebih rendah, diimbangi oleh jumlah pengeluaran simpanan yang lebih tinggi. Jumlah pengangkutan menurun sebanyak empat peratus disebabkan pengurangan jumlah kargo yang dikendalikan berbanding tahun lalu, sementara jumlah tangki meningkat sebanyak lima peratus disebabkan oleh peningkatan kadar yang dikendalikan.

FGV menjangkakan tahun 2021 akan menjadi tahun yang penting, berikutan cabaran dalam bekalan tenaga kerja dan turun naik harga MSM dalam perniagaan perladangan kami. Perniagaan gula akan terus menambah baik prestasi operasi dan kewangannya. Namun, kumpulan akan berpandu kepada strategi untuk meletakkan semula kedudukan FGV sebagai pemain agri perniagaan terkemuka untuk mencipta nilai dalam perniagaan hilirannya.



“Saya gembira melaporkan prestasi kewangan positif tertinggi dalam lima tahun untuk FGV, walaupun terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh kumpulan dan industri minyak sawit pada tahun 2020.”

Dato' Haris Fadzilah Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV



58 Traktor New Holland TD90 Bantu Ladang FGV

Ladang-ladang FGV akan mendapat manfaat daripada pembelian 58 buah traktor New Holland TD90 yang dikeluarkan oleh Sime Darby Industrial Sdn Bhd. Semua jentera tersebut telah dihantar ke FGVP dan FGV Agri Services Sdn Bhd untuk kegunaan ladang. Pengarah Bahagian Perladangan Kumpulan, Syed Mahdhar Syed Hussain, berkata pembelian ini merupakan komitmen Kumpulan untuk mentransformasikan FGV sebagai syarikat perladangan bertaraf dunia yang kompetitif. Ianya adalah satu lagi langkah ke hadapan dalam program pemodenan pertanian dan akan memacu pembangunan yang berterusan dalam pelbagai kerja perladangan.



FGV Perluas Ujian Saringan COVID-19 Kepada Semua Pekerja Ladang Migrannya - Terkini 13,509 Pekerja Telah Disaring

Sepanjang Januari tahun ini FGV telah menjalankan program saringan COVID-19 ke atas 1,029 pekerja ladang migran di Negeri Sembilan dan Pahang, 6,261 pekerja di Sabah serta 703 pekerja di Terengganu. Pada minggu pertama Februari, tambahan 1,402 pekerja ladang migran FGV di Pahang dan 4,114 pekerja migran di Sabah pula disaring. Seramai 13,509 pekerja telah disaring dengan lancar. Usaha ini adalah untuk memastikan semua pekerja ladang migran FGV kekal sihat dan tidak menjadi agen penyebar wabak. Ianya juga selaras dengan arahan kerajaan yang mewajibkan majikan menyediakan saringan untuk semua pekerja migran masing-masing bermula 2 Februari 2021.

FGV Penuhi Permintaan Domestik Untuk Bahan Tanaman

FGV meningkatkan pengeluaran bahan tanaman pisang, buluh, kelapa dan padi untuk memenuhi permintaan domestik yang meningkat bagi aktiviti pertanian. Pengeluaran varieti klon pisang bagi spesies Berangan, Cavendish dan Tanduk terus meningkat untuk memenuhi permintaan pasaran khusus pisang segar dan industri makanan berasaskan pisang. Pusat Inovasi FGV juga menghasilkan anak benih klon buluh Betong secara komersial serta meningkatkan pengeluaran bahan tanaman kelapa Pandan dan anak benih kelapa MATAK. Bagi bahan tanaman padi pula, FGV telah memulakan penanaman kebun benih padi wangi MRQ76 seluas 28 hektar tahun lalu di Sungai Leman, Selangor dan Seberang Perak, Perak.



Yapeim, GOGOPASAR Hantar Bantuan Kepada Mangsa Banjir Di Pahang

GOGOPASAR, anak syarikat FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd, bersama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (Yapeim) mengagihkan bantuan kepada 1,300 keluarga terjejas banjir di Jerantut, Pahang. Bantuan barangan makanan asas iaitu ayam segar, daging, minyak masak, beras, sos dan kicap itu adalah sebahagian dari Program Inspirasi Qaseh Kami – Misi Musaadah 2021 anjuran Yapeim.

WIRA FGV

"Bapa banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat berguna kepada saya" – Yusof Ismail

Seawal jam 7.00 pagi beliau telah pun berada di depot FGV Transport Services Sdn Bhd (FGVTSSB) Kuantan untuk melakukan rutin harian memeriksa keselamatan lori, sebelum memulakan perjalanan untuk mengisi muatan di kilang sawit berhampiran.

'Wira FGV' kali ini menampilkan Yusof Ismail, seorang pemandu yang mendapat jolokan 'juruterbang' di Kumpulan FGV. Menurut Yusof, kerjayanya di bidang ini amat mencabar kerana memerlukan ketahanan fizikal dan mental yang kuat bagi menempoh rutin harian yang panjang berbanding orang lain.

Beliau yang juga merupakan anak kepada salah seorang bekas pemandu lori di depot FGV Transport tidak menyangka bahawa perkhidmatannya kini telah menjangkau 12 tahun sejak tahun 2009 sebagai pemandu kontrak yang bertanggungjawab membawa Minyak Sawit Mentah (MSM) Kumpulan FGV.

Meskipun berstatus pekerja kontrak ketika itu, namun berkat kesungguhan dan dedikasi Yusof dalam menjalankan tugas harian telah menyebabkan beliau diserapkan terus ke perkhidmatan tetap. Yusof juga turut diberikan pengiktirafan oleh pihak syarikat sebagai salah seorang pemandu lori di FGVTSSB yang bertaraf lima bintang dan telah berjaya mengekalkan prestasi tersebut sehingga kini.

Sesuai dengan pengiktirafan tersebut, beliau diberi peluang untuk memandu model lori terbaharu syarikat iaitu Volvo FMX 440 dan diberi tugas untuk membawa muatan biodiesel keluaran FGV Biodiesel Sdn Bhd yang terletak di Kuantan. Tugas ini berbeza daripada membawa muatan MSM, dengan



penekanan yang lebih berat terhadap ciri-ciri keselamatan yang diberikan kerana sifat muatan yang mudah terbakar.

Menyentuh pengalaman Yusof di dalam perkhidmatan, saat yang paling sukar untuk dilupakan ialah ketika dapat bersama-sama dengan bapanya bertugas dalam satu pasukan. Bapa beliau banyak memberikan tunjuk ajar serta nasihat berharga terutamanya ketika berhadapan dengan situasi yang di luar jangkaan dan mencabar.

"Pengalaman bermalam di tengah-tengah hutan yang sunyi ketika kenderaan mengalami kerosakan amat sukar dilupakan. Namun, bapa pernah mengajar saya agar sentiasa tenang dalam apa jua keadaan. Yang paling penting adalah memastikan keselamatan kenderaan dan muatan yang dibawa sebelum mendapatkan bantuan mekanik dari depot," jelas Yusof.

Walaupun berstatus pemandu cemerlang, beliau sentiasa bersikap merendah diri dan tidak akan sesekali

mempertikaikan kemampuan pemandu lain. Beliau percaya sikap saling menghormati orang lain bukan sahaja nilai yang murni, malah mampu mengekalkan perhubungan yang harmoni dalam kalangan rakan setugas dan pengurusan.

Menyentuh harapan masa hadapan, Yusof berharap pihak syarikat dapat meneruskan lagi siri latihan kepada para pemandu dalam memantapkan lagi pengetahuan dan kemahiran mereka.

"Saban tahun, teknologi semakin berkembang dan ini tidak terkecuali dalam industri pengangkutan terutamanya pengeluar-pengeluar lori yang sudah pun menaiktaraf teknologi mereka. Dengan adanya latihan berterusan, kami akan dapat mempelajari perkara baharu agar seiring dengan kemajuan teknologi masa kini, bagi memudahkan urusan penyampaian perkhidmatan di masa hadapan," tambah beliau yang juga berharap FGV terus menempa kejayaan di masa akan datang.

Kedai FGV

DAPATKAN PEK PRIHATIN PRODUK FGV

RM31.50

www.kedaifgv.com

Kedai FGV

DAPATKAN PEK KUIH & KEK PRODUK FGV

RM30

www.kedaifgv.com

Kedai FGV

DAPATKAN PEK MEMASAK PRODUK FGV

RM31.50

www.kedaifgv.com

Pelbagai Pek Menarik Di KedaiFGV!

www.kedaifgv.com

Sebarang pertanyaan boleh WhatsApp ke 60192010843

■ FGV Meterai MoU Bersama MAFI Untuk Projek Pembangunan Padi

FGV melalui anak syarikat, FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd (FGVIF) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam pembangunan padi berskala besar di lokasi terpilih dan berpotensi serta menerokai penanaman padi wangi berkualiti tinggi.

MoU tersebut telah ditandatangani oleh Dato' Haslina Abdul Hamid, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MAFI dan Abdul Razak Aya, Ketua Pertanian Bersepadu FGV ketika majlis MoU Projek SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) antara MAFI dan syarikat-syarikat

peneraju. Ianya disaksikan oleh Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri MAFI, Dr. Anis Mahmud, TKSU (P) MAFI, dan Azman Mahmood, Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras di Dewan Serbaguna MAFI, Wisma Tani pada 23 Februari.

Bagi menyahut seruan kerajaan Malaysia dalam usaha membangunkan industri padi dan beras negara, FGV dengan kerjasama MAFI telah memulakan projek mega padi wangi berskala besar tersebut dengan menggunakan konsep pertanian kontrak atau lebih dikenali sebagai 'Fortified Field'.

Kaedah penanaman padi wangi melalui konsep 'Fortified Field' ini menggabungkan kepakaran FGV dalam

bidang penyelidikan, agronomi, nutrisi tanaman, mekanisasi ladang dan juga Industri Pertanian 4.0 bagi meningkatkan hasil padi dan seterusnya menambahkan lagi pendapatan pesawah yang menyertai program ini.

Di majlis tersebut, Dr. Ronald turut melancarkan beras SAJI keluaran Delima Oils Products yang mula dipasarkan sejak September tahun lalu. Pengeluaran beras SAJI menandakan kemunculan sulung FGV dalam perniagaan pengeluaran beras selari dengan usaha yang dijalankan bersama MAFI.

Buat permulaan, SAJI mengeluarkan beras istimewa tempatan dan beras istimewa yang diimport dalam bungkusan lima kilogram dan 10 kilogram.



■ Program Pemerksaan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Pejabat Dan Gudang Distribusi DOP

Amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) yang baik akan menjamin kesinambungan operasi dan meningkatkan reputasi sesuatu organisasi.

Sehubungan dengan itu, pihak Distribusi Delima Oil Products (DOP) telah mengambil langkah untuk memperkasakan amalan dan pematuan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di pejabat dan gudang mereka di seluruh Malaysia. Terdapat lima buah gudang dan tujuh pejabat jualan DOP yang akan terlibat dalam program pemerksaan ini. Dengan kerjasama Bahagian Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar Kumpulan, perancangan telah dimulakan untuk merangka pelan bagi memastikan tempat kerja yang bebas kemalangan dengan mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, kondusif dan sihat.

Menurut Ketua Bahagian Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar Kumpulan (GHSED), Shaharizan Yunus, pihak GHSED sentiasa menyokong dan akan bekerjasama dengan mana-mana syarikat kumpulan FGV bagi memperkasakan

keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Telah menjadi tanggungjawab pihak GHSED untuk mempertingkatkan amalan dan kepatuhan KKP di semua peringkat dalam kumpulan FGV melalui pelbagai pendekatan secara langsung atau sebaliknya.



Gudang FGV TSSB di Shah Alam, Selangor

Antara program-program yang akan dilaksanakan adalah pemerksaan Jawatankuasa Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (JKKAS), *Near Miss and Safety Observation* (NEMSO), pematuan pemakaian PPE (*Personal Protective Equipment*), amalan pencegahan kemalangan seperti *Permit to Work*

(PTW), *Workplace Inspection* (WPI), *Kiken Yochi Training* (KYT), *Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Control* (HIRARC) dan sebagainya.

Tertakluk kepada situasi PKP terkini, pelbagai pendekatan akan digunakan bagi mencapai objektif pemerksaan KKP ini, samada secara bersemuka ataupun secara dalam talian. Dalam situasi pandemik COVID-19, usaha-usaha untuk pengukuhan KKP tetap akan diteruskan mengikut suasana norma baharu dan pematuan SOP yang telah ditetapkan.

Bagi menjayakan program-program yang dirancang ini, beberapa siri lawatan tapak dan penilaian keselamatan dan kesihatan tempat kerja akan diadakan di gudang-gudang dan pejabat-pejabat secara berperingkat mengikut fasa. Keadaan, amalan dan tahap pematuan KKP akan dikenalpasti dan keperluan-keperluan pemerksaannya akan dirangka termasuklah informasi, dokumentasi dan latihan yang berkaitan.

Kejayaan PPPTR Mantapkan Imej R&D FGV

Sekalung tahniah kepada Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak (PPPTR) dan warga kerjanya di atas penganugerahan Persijilan Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S) tahap 3 bintang selama 9 tahun berturut-turut dari tahun 2012 hingga 2020.

Keunikan anugerah ini ialah skop pensijilan ini merangkumi 26 zon Jabatan Utama dalam Divisyen R&D, antaranya ialah Ladang, Bahan Tanaman, Kilang Racun Tikus, Biak Baka, Agronomi, Khidmat Makmal termasuk Masjid Jamek PPPTR.

Bil	Tahun Persijilan Amalan Persekitaran Berkualiti (QE/5S)	Markah (%)
1	2012	90.0
2	2013	85.2
3	2014	93.5
4	2015	92.7
5	2016	93.4
6	2017	92.0
7	2018	89.0
8	2019	91.0
9	2020	91.0

Rekod pencapaian Audit QE/5S PPPTR oleh MPC dari tahun 2012 hingga 2020

PPPTR merupakan model atau penanda aras Amalan QE/5S bukan hanya dalam Kumpulan FGV atau FELDA malah juga organisasi lain di Malaysia dan luar negara.

Kejayaan ini telah membuktikan bahawa seluruh warga PPPTR telah berjaya menjadikan Amalan QE/5S sebagai satu budaya kerja dan membantu meningkatkan imej FGV di persada negara.

Sementara itu, FGV Analytical Laboratory di PPPTR telah mendapat IKM President Laboratory Award 2020. Penganugerahan ini adalah satu pencapaian yang membuktikan kualiti khidmat analisa makmal sentiasa berada pada tahap tertinggi, seiring dengan visi untuk menjadi makmal bertaraf dunia.



IKM President Laboratory Award adalah satu kategori penganugerahan yang baru diperkenalkan oleh Institut Kimia Malaysia pada tahun 2014.

Anugerah ini diberikan setiap tiga tahun kepada hanya satu makmal yang mencapai pencapaian yang terbaik bagi setiap sektor dalam pembangunan profesionalisma dan praktis bidang kimia. Di antara kriteria-kriteria yang telah diaudit oleh pihak IKM adalah sistem kualiti makmal, penambahbaikan

berterusan, aspek keselamatan dan kesihatan, sumber manusia dan penglibatan dalam program tanggungjawab sosial.

Sebagai sebuah makmal yang diakreditasi dibawah ISO17025:2017, anugerah ini dapat memberi kepercayaan dan keyakinan yang lebih tinggi kepada pelanggan dalam menggunakan khidmat analisa yang disediakan oleh Jabatan Khidmat Makmal iaitu analisa air, efluen, minyak sawit, tanah daun, kompos, baja dan pengesyoran baja.



Tahniah Pemenang Peraduan Memasak DUTA FGV

7



Terima kasih warga FGV di atas penyertaan anda dalam Peraduan Memasak Duta FGV!

TEMPAT PERTAMA



**Sajian Warisan Nasi Tomato
Bersama Ayam Masak Merah**
Hazizan Mohamed,
FGVPM-JTK

TEMPAT KEDUA



Ikan Masak 3 Rasa SAJI
Haslan Amiruddin,
FGVR - Tawau Oil Products

TEMPAT KETIGA



Kari Kepala Ikan
Suhaili Noradila Jumat,
FGVH

RESIPI MANISAN PILIHAN MSM



Kek Karamel
Nurul Hidayah Hashim,
FGV Transport

RESIPI PALING UNIK



Udang Buttermilk
Dasirah Pidarta,
FGVPI Kilang Sawit Embara Budi

PEMENANG HADIAH SAGUHATI

Nur Amani Sopian - FGVPM
Ruslina Ab Rahman - DOP
Azhar Alias - FGVPM
Alia Estella Midiyati - FGVH
Ahmad Fahmi Aizuddin - FGV Rubber
Suriani Wa Ali - FGV Rubber
Harmasiah Nurdin - FGVAS
Siti Nor Azurah - FGVKP

Nor Hazimah - FGVPM
Natasha Abd Jalil - DOP
Syahidah Ismail - FGVH
Syahirah Suhaimi - FGVIF
Noor Hidayati Ismail - DOP
Zalani Abdullah - FGVPI
Anis Athirah Ros Azizi - FGVH

Tonton resipi-resipi ini di Facebook FGV. Resipi mendapat "Like" terbanyak (sehingga 31 Mac) akan memenangi kategori Resipi Paling Popular.

Para Pemenang akan dihubungi oleh Transformation Management Office



Nantikan CABARAN LANGKAH FGV



**Cabar Diri Anda.
Bila-Bila Masa. Di Mana Jua.
Berjalan. Berlari.**

TANYA DOKTOR POKOK



S: Bagaimanakah cara untuk melakukan campuran tanah sendiri?
- Nurfarahin Mohd Shuib, FGVAS

J: Untuk memudahkan campuran tanah bagi tanaman bunga atau sayuran di rumah boleh menggunakan bekas atau pasu bunga untuk menyukat media campuran tanah mengikut nisbah campuran seperti 6 bahagian tanah, 3 bahagian pasir dan 1 bahagian bahan organik (baja kompos, habuk bakar serbuk padi, sabut kelapa atau sabut sawit hancur). Campuran tanah ini sesuai untuk memegang nutrien oleh tanah, menggalakkan saliran dan

pertumbuhan akar yang baik daripada pasir serta mengekalkan kelembapan tanah oleh bahan organik.

S: Bagaimanakah cara untuk mengetahui bahawa tanaman kentang saya sudah boleh dituai?
- Siti Hanis Hidayu Aziz, FGVH

J: Pokok kentang merupakan tanaman kontan dengan jangka hayat yang pendek, di mana daunnya akan mula layu, kering, gugur dan berkurangan apabila mencapai umur kematangannya untuk dituai, iaitu kira-kira 3-4 bulan selepas disemai dalam tanah mengikut varieti.

S: Saya berminat dengan tanaman hidroponik. Bagaimanakah tanaman ini dilakukan? - Fatin Umi Fahmeeda Riduwan, FGVH

J: Anak benih tanaman seperti sayuran perlu disemai dalam media tanah. Anak benih sayuran yang bercambah dan bertumbuh sehingga 5cm perlu dicabut dan dialihtanam ke dalam bekas hidroponik. Bahagian akar dan pangkal


batang sayuran tersebut perlu dibalut dengan span (*sponge*) dan diletakkan dalam lubang bekas hidroponik yang telah diisi penuh dengan cecair baja yang dirumus khas untuk sistem hidroponik. Pastikan paras cecair baja mencapai paras akar sayuran untuk pengambilan air dan nutrien yang mencukupi, terutamanya semasa cuaca kering dan dalam peringkat pokok yang cepat membesar pula akan menggunakan lebih banyak cecair baja.



Tanaman hidroponik

Anda boleh hantarkan soalan-soalan berkaitan tanaman anda kepada Doktor Pokok ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com atau WhatsApp ke 019-2004600. Soalan anda akan dijawab dalam Cassia edisi hadapan.

APA KATA MEREKA?



Keseimbangan Dalam Pekerjaan Dan Kehidupan



Bagi pendapat saya, berkerja di FGV selama 24 tahun sangat mendewasakan, selain mendapat banyak pengalaman, ia juga turut mejadikan saya seorang yang bijak dalam mengendalikan masalah bukan sahaja apabila berhadapan dengan tugas kerja malah dalam kehidupan seharian saya.

- Mesran Mikail
FGV Refineries,
Sahabat Oil Products,
Sabah



Saya mengamalkan kaedah pembahagian masa secara percubaan dan tambahbaik berterusan supaya saya dapat melaksanakan tugas kerja dengan baik dan melakukan aktiviti keluarga, masyarakat dan diri sendiri dengan sempurna.

- Tajul Azwa Haris, FGV



Kebiasaannya, saya telah tetapkan jadual di mana hari-hari bekerja saya akan kekal fokus melakukan kerja pejabat yang telah diamanahkan. Pada hujung minggu pula, saya akan penuhi masa terluang dengan berehat dan menyelesaikan kerja-kerja rumah seperti mengemas rumah, pergi ke pasar dan berkebun. Dengan ini, saya melatih diri menjadi seorang yang lebih berdisiplin selain bagus untuk kesihatan mental.

- Rofisahwati Abd. Rashid,
FGVH



Saya amalkan gaya hidup sihat dengan melakukan senaman ringan atau menjalankan aktiviti riadah bersama keluarga pada hujung minggu, dengan ini secara tidak langsung membantu mengurangkan tekanan kerja selain membuatkan anak-anak gembira.

- Wan Masnita Wan Daud,
FGVH



Seperti tugas saya yang terlibat dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak sangat saling berkait dengan kehidupan kita seharian. Jika ada ibu bapa dan petugas bertanya berkenaan kerja, ia tidak mengganggu kehidupan seharian saya. Laporan harian biasanya akan saya selesaikan pada waktu pejabat.

- Rohaeni Jebeng,
Pengusaha Taska Wisma FGV



Keseimbangan mental, fizikal dan emosi perlu dicapai dengan menfokuskan kepada kekuatan kita dan mencari sumber-sumber yang lain, contohnya seperti mengupah pengasuh ketika permintaan kerja yang tinggi. Selain itu, senarai tugas memudahkan kita mengkategorikan keutamaan setiap tugas dan ini membantu kita menguruskan kerjaya dan juga kehidupan dengan lebih efektif.

- Nur Shazana Mohd Noor,
FGVAS

Ikan Masak Pedas Ala Thai



Apa kata, anda cuba menu masakan Thai hari ini?

Bahan-Bahan:

- Ikan yang sudah digoreng dan ditoskan
- ADELA Blended Soft Oil
- Sedikit cili giling
- 5 ulas bawang putih diketuk
- 1 1/2 biji bawang merah dihiris halus
- 1 sudu besar sos tiram
- 1 sudu kecil sos ikan thai
- 3 sudu besar sos cili
- 5 ulas cili padi yang sudah dipotong kecil
- Sedikit lobak merah, serai yang sudah dihiris halus, daun limau purut/sayuran pilihan anda
- Garam
- Sedikit serbuk perasa

Cara-Cara Memasak:

1. Tumis bawang merah, bawang putih bersama ADELA Blended Soft Oil sehingga naik bau.
2. Masukkan tiga sudu cili giling dan tumis sehingga pecah minyak.
3. Setelah pecah minyak, masukkan sos tiram, sos ikan, sos cili, garam dan sedikit serbuk perasa.
4. Ratakan sehingga sekata semua bahan.
5. Masukkan sedikit air, cili padi, serai, daun limau purut dan lobak merah.
6. Akhir sekali, tuangkan masakan ini ke atas ikan yang sudah digoreng dan ditoskan tadi.

Siap untuk dihidang bersama nasi putih panas-panas!

#THROWBACK TRAVELOG

Teroka Alam Semulajadi Di Pulau Perhentian Besar

*Pulau Perhentian pusat persinggahan,
Pusat persinggahan dari Singgora,
Cantiknya alahai tidakku tahan,
Airnya jernih tidak bergelora.*

Assalamualaikum pembaca CASSIA, Saya ingin berkongsi dengan para pembaca tentang keunikan dan tarikan Pulau Perhentian. Pulau yang terkenal dari zaman dahulu sebagai pulau persinggahan para pedagang dari tanah besar Asia (dari China ke Asia Tenggara seperti Singapura) malah yang paling popular adalah tempat persinggahan kapal yang menghantar garam dari Singgora (Selatan Thai) ke Terengganu.

Pulau yang kami pilih untuk destinasi cuti-cuti Malaysia pada kali ini adalah Pulau Perhentian Besar.

Pulau yang lebih sesuai untuk kunjungan keluarga, memberikan ketenangan dan membuka mata kami terhadap kehebatan ciptaan

Allah yang terbentang luas di depan mata.

Perjalanan ke pulau melalui bot memakan masa selama 30-40 minit dari Jeti Besut ini mempunyai banyak tarikan tersendiri. Antara yang menjadi tarikan pelancong ialah 'Shark Point' dan 'Turtle Point'.

Jika dilihat dari foto yang saya kongsikan, beberapa anak ikan yu yang jinak berenang ke arah kami di gigi air dan menurut pekerja hotel di sana pengalaman ini biasanya agak sukar untuk dirakam. Memang rezeki kami.

Percutian tiga hari dua malam ini memberikan pengalaman terbaik kepada anak kecil yang seronok menerokai alam semulajadi. Jadi apa lagi, jom ke Pulau Perhentian!

oleh:
Noor Amirah Ahmad
FGVAS


Anda mempunyai pengalaman yang menarik semasa percutian? Destinasi yang tidak dapat dilupakan? Jom berkongsi dengan kami! Karya daripada petugas FGV akan diterbitkan pada setiap keluaran edisi Cassia.

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

1. Penulisan haruslah disertakan bersama foto bersaiz tidak kurang dari 2MB.
2. Penulisan anda haruslah tidak melebihi 250 patah perkataan.

Anda boleh menghantar karya travelog anda ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com

Tarikh tutup: 31 Mac 2021



Tahniah Pemenang Pertandingan Selfie Bersama Si Comel!

10



Mohd Rafizan Syairi
Che Abdul Raseli, FGVPI



Zain 'Alauddin Zain Alabidin, FGVH



Muhammad Amin Samsudin
FGV Transport



Ali Osman Idris
PUP, Sabah



Shariza Abu Bakar
FGV Transport

Pemenang akan dihubungi oleh Bahagian Komunikasi Strategik Kumpulan

PERADUAN WANITA FGV YANG SAYA KAGUMI

Sempena Hari Wanita pada 8 Mac, sertailah peraduan Wanita FGV yang anda kagumi dengan menghantar gambar wanita tersebut yang memberi anda motivasi dan menjadikan anda seorang yang lebih positif di dalam kerjaya anda.

Nyatakan mengapa anda mengkagumi beliau tidak lebih 250 patah perkataan.

Hadiah-hadiah menarik menanti anda dan wanita tersebut!

Hantarkan penyertaan anda ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com atau WhatsApp ke nombor +60 19-200 4600.

Tarikh tutup penyertaan: 31 Mac 2021.

TERBITAN
Komunikasi Strategik Kumpulan

FGV Holdings Berhad NO 200701042133 (800165-P)
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

Petugas Kumpulan FGV dialu-alukan untuk menyumbang artikel kepada CASSIA melalui groupstrategiccomms@fgvholdings.com

